

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 11/1/2016

Muka surat: m2

Tajuk : UNIMAS terokai peluang kerjasama di Shanghai dan Beijing

UNIMAS terokai peluang kerjasama di Shanghai dan Beijing

DELEGASI Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) diketuai oleh Naib Canselor Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi melawat beberapa buah universiti di Shanghai dan Beijing untuk meneroka peluang kerjasama di sana baru-baru ini.

Antara universiti yang dilawati seperti Universiti Fudan, Universiti Shanghai Jiao Tong (SJTU) dan Universiti Tongji untuk membincangkan kerjasama dalam bidang klinikal, program pertukaran pelajar, penyelidikan dan sebagainya.

Fudan University merupakan sebuah universiti awam di Shanghai dan berada di tangga ke-51 dalam kedudukan Universiti Dunia QS dan tangga ke-16 dalam Universiti Asian QS.

Ketibaan delegasi Unimas di Universiti Fudan telah disambut mesra oleh Naib Presiden Universiti Fudan merangkap

Dekan Shanghai Medical College, Profesor GUI Yonghao yang seterusnya dibawa melawat ke Hospital Zhongshan, salah satu daripada hospital terbesar yang bergabung dengan Universiti Fudan untuk meneroka amalan terbaik dalam pengurusan pembelajaran.

Selain itu, delegasi Unimas turut melawat Universiti Shanghai Jiao Tong (SJTU) atau dikenali sebagai Universiti Penyelidikan Awam di Shanghai.

Ketibaan delegasi disambut oleh Naib Presiden Shanghai Jiao Tong University,

Profesor Huang Zhen dan dibawa melawat SJTU Bio X Lab untuk meneroka peluang kerjasama penyelidikan dengan penyelidik SJTU terutama dalam program musim panas dan program pertukaran pelajar.

Lokasi seterusnya adalah ke Universiti Tongji untuk mencari

peluang bagi program penempatan klinik, pertukaran pelajar dan penyelidikan bersama.

Delegasi meneruskan perjalanan ke Universiti Tongji dengan melawat Hospital Gabungan Universiti Tongji bertujuan untuk melihat peluang bagi program penempatan klinikal, program pertukaran pelajar dan kerjasama dalam penyelidikan dengan Universiti Tongji.

Delegasi itu juga melawat Universiti Tsinghua yang merupakan sebuah universiti

penyelidikan dan berada dalam kedudukan ke-25 dalam kedudukan Universiti Dunia QS 2015 dan ke-11 dalam kedudukan Universiti Asia 2015 dan Universiti Akademi Cina Sains (UCAS) serta Institut Konfusius Ibu Pejabat di Beijing, China.

Perbincangan dengan Universiti Tsinghua memberi tumpuan kepada program pertukaran pelajar, program penem-



MENCARI peluang untuk bekerjasama dengan Universiti Shanghai Jiao Tong (SJTU) dalam penyelidikan terutama semasa program musim panas dan program pertukaran pelajar.

patan klinikal dan kerjasama penyelidikan manakala lawatan ke Ibu Pejabat Institut Konfusius Ibu Pejabat (Hanban) di Beijing adalah untuk membincangkan mengenai penubuhan Institut Konfusius di Unimas

seperti yang dicadangkan oleh Konsul Besar China di Kuching, Tuan Yang Liu Quan.

Akhir sekali, delegasi Unimas telah melawat Universiti Akademi Cina Sains (UCAS) yang merupakan sebuah insti-

tusi pendidikan tinggi yang memberi tumpuan kepada pendidikan siswazah di bawah kepimpinan Akademi Cina Sains (CAS).

Lawatan ke UCAS telah disambut oleh Naib Presiden

UCAS, Profesor WU Yueliang dan perbincangan antara Unimas dan UCAS memberi tumpuan kepada pengajian siswazah, program musim panas dan program pertukaran pelajar.

JALIN KERJASAMA... Delegasi UNIMAS diketuai oleh Naib Canselor Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi bergambar bersama dengan wakil dari Universiti Fudan.

